

**TEKS UCAPAN YANG AMAT BERHORMAT
MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN
BAGI MEMBENTANGKAN
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2018)**

Bismillahirrahmanirrahim,

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bertajuk "Suatu Enakmen Bagi Menggunakan Sejumlah Wang Daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri Untuk Perkhidmatan Bagi Tahun 2018 dan Bagi Memperuntukkan Wang Itu Untuk Perkhidmatan Bagi Tahun Itu" dibacakan bagi kali kedua.

MUKADIMAH

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

1. Alhamdulillah, segala puji-pujian dipanjatkan kepada Allah S.W.T kerana dengan keizinanNya jua, dapat saya membentangkan Belanjawan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun 2018 dalam sidang Dewan pada pagi ini. Setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah S.W.T, Tuhan Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih yang telah mengurniakan nikmat yang tidak terhingga kepada negeri dan negara kita iaitu nikmat keamanan dan kesejahteraan.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

2. Sewaktu saya menerajui pentadbiran negeri iaitu bermula pada 25 Mac 2004, fokus utama Kerajaan adalah untuk memastikan ekonomi negeri berkembang dan rakyatnya sejahtera iaitu mempunyai pendidikan, tempat tinggal dan mereka yang kurang berkemampuan dibantu. Ketiga-tiga fokus tersebut telah dipasak kukuh melalui Dasar Jaringan Keselamatan Sosial, Dasar Perumahan Negeri Sembilan dan Lembah Ilmu dengan dokongan matlamat utama Kerajaan Negeri iaitu **Memakmurkan Negeri, Mensejahterakan Rakyat**. Kini, Kerajaan Negeri sedang menuai hasil daripada dasar yang telah dilaksanakan sepanjang 13 tahun yang lalu.

3. Kemudiannya, Kerajaan Negeri telah bergerak kepada agenda yang lebih besar iaitu untuk memacu pembangunan 30 tahun ke hadapan menjadi sebuah Negeri Moden melalui Rangka Rancangan Jangka Panjang Negeri Sembilan Moden 2015–2045 dan pembangunan Malaysia Vision Valley (MVV). Pelan pembangunan ini telah saya bentangkan dalam Dewan yang mulia ini pada Belanjawan Tahun 2016.

4. Maka, bagi melengkapkan pembangunan Negeri Sembilan yang inklusif, **Pelan Hala Tuju Luar Bandar 2016–2045** akan saya bentangkan pada hari ini bersekali dengan pembentangan Belanjawan Tahun 2018. Pelan ini bertujuan untuk mewujudkan kawasan luar bandar sebagai lokaliti yang mampan, makmur, sejahtera dan berdaya laksana berteraskan sumber serta landskap semula jadi sedia ada.

5. Kedua-dua pelan pembangunan tersebut akan menjadi *blue print* perancangan pembangunan Kerajaan Negeri Sembilan sehingga 2045 dengan bertemakan “**Memakmurkan Negeri, Mensejahterakan Rakyat**”.

PENCAPAIAN-PENCAPAIAN NEGERI SEMBILAN

Yang Berhormat Dato’ Yang DiPertua,

6. Seperti lazimnya, pembentangan Belanjawan 2018 ini akan meneliti kembali pencapaian yang telah dikecapi, gunanya untuk kita merancang pembangunan akan datang yang lebih komprehensif. Pencapaian yang akan disentuh adalah merangkumi pencapaian ekonomi negeri, kewangan dan kesejahteraan rakyat.

KEMAKMURAN NEGERI

Pencapaian Ekonomi Negeri Sembilan

7. Pencapaian kemakmuran ekonomi negeri dapat dilihat dengan jelas melalui pencapaian KDNK Benar Negeri Sembilan. KDNK Benar telah berkembang dengan kadar purata sebanyak **3.95 peratus setahun** dalam tempoh lima (5) tahun. Ianya telah meningkat daripada RM32,007 juta pada tahun 2011 kepada RM38,839 juta pada tahun 2016. Manakala KDNK per kapita Negeri Sembilan pula mencatatkan peningkatan yang membanggakan sejak tahun 2011 iaitu meningkat daripada **RM32,136** pada tahun 2011 kepada **RM38,559** pada tahun 2016. Pencapaian ini menghampiri KDNK per kapita nasional iaitu RM38,887 pada tahun 2016.

8. Bermula dari tahun 2014, Sektor Perkhidmatan kekal menjadi penyumbang utama kepada ekonomi negeri. Pada tahun 2016, sektor ini menyumbang sebanyak 44.2 peratus kepada KDNK dan mengekalkan momentum pertumbuhan sebanyak 5.4 peratus. Manakala sektor pembuatan menyumbang sebanyak 40.4 peratus kepada KDNK dan berkembang pada kadar 3.0 peratus. Indikator ini jelas menunjukkan bahawa struktur ekonomi Negeri Sembilan telah beralih ke arah ekonomi yang lebih moden dan berdaya saing menepati ciri-ciri negara berpendapatan tinggi.

9. Negeri Sembilan juga terus menjadi destinasi pilihan pelabur dan terus mengekalkan pencapaian pelaburan melebihi RM1 bilion setahun. Pada tahun 2016, jumlah pelaburan yang diluluskan bagi sektor pembuatan sahaja adalah sebanyak RM1.917 billion dengan RM289 juta adalah daripada pelaburan domestik dan RM1.628 billion adalah dalam pelaburan antarabangsa. Pelaburan ini telah mewujudkan sebanyak 2,387 peluang pekerjaan baru yang dapat menyumbang kepada peningkatan taraf hidup penduduk.

10. Dari aspek guna tenaga pula, kadar pengangguran di Negeri Sembilan kekal rendah pada kadar 2.7 peratus bagi tahun 2016 sekaligus berjaya mencapai tahap guna tenaga penuh. Manakala, jurang pendapatan penduduk di Negeri Sembilan yang diukur melalui Pekali Gini (*Gini Coefficient*) pada tahun 2016 adalah 0.38, lebih baik daripada kadar nasional iaitu 0.399. Ini jelas menunjukkan bahawa ketidakseimbangan pendapatan penduduk di Negeri Sembilan bertambah baik berbanding peringkat nasional.

Urus Tadbir Kewangan Negeri Sembilan

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

11. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun 2016 berada di tahap kukuh dan memuaskan sebagaimana Laporan Kewangan Ketua Audit Negara yang diumumkan di Parlimen baru-baru ini. Baki Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2016 adalah berjumlah RM540 juta. Angka ini mencatatkan peningkatan berjumlah RM18 juta atau 3.4 peratus berbanding RM522 juta pada tahun 2015. Akaun Hasil Disatukan juga terus mencatatkan *surplus* pada tahun 2016 sebanyak RM14.2 juta.

12. Kerajaan Negeri sentiasa mengamalkan polisi mengoptimumkan perbelanjaan selari dengan *outcome* yang disasarkan. Pendekatan ini telah membolehkan Kerajaan Negeri mencatatkan *surplus* sejak tujuh (7) tahun yang lepas dan meningkatkan caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Berikutan dengan kejayaan dalam tadbir urus kewangan yang mantap, maka sejak tahun 2011, Kerajaan Negeri tidak lagi menerima sumbangan Pemberian Kekurangan Akaun Mengurus daripada Kerajaan Persekutuan.

13. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga **24 November 2017**, Kumpulan Wang Disatukan Negeri Sembilan berada dalam keadaan yang kukuh di mana jumlah terkumpul keseluruhan adalah sebanyak **RM660.39 juta** yang merangkumi Aset Tunai dan Aset Pelaburan.

14. Dari aspek kutipan hasil pula, bagi tahun 2016, sebanyak **RM380.54 juta atau 99.09 peratus** telah berjaya dikutip **daripada yang dibajetkan berjumlah RM384 juta**. Kutipan hasil ini terdiri daripada Hasil Cukai sebanyak RM128.08 juta, Hasil Bukan Cukai sebanyak RM186.29 juta dan Terimaan Bukan Hasil sebanyak RM66.17 juta. Berlandaskan senario ekonomi semasa, kutipan hasil pada tahun 2017 dijangka akan terus meningkat kepada **RM391.00 juta**. Jumlah ini sedikit menurun daripada yang dibajetkan sebanyak RM 405.00 juta ekoran daripada ketiadaan terimaan pertumbuhan hasil daripada Kerajaan Persekutuan dan pembekuan pemberimilikan tanah.

15. Saya juga ingin memaklumkan berhubung prestasi Kerajaan Negeri dalam pengurusan Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan. Bagi Perbelanjaan Mengurus tahun 2016, sejumlah RM366.31 juta atau 95.38 peratus manakala sejumlah RM87.81 juta iaitu 93.68 peratus daripada peruntukan pembangunan telah dibelanjakan. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua jabatan dan agensi kerana telah berjaya melaksanakan program dan aktiviti seperti yang dirancang dalam tempoh ditetapkan di samping mematuhi peraturan-peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

16. Kerajaan Negeri sentiasa menekankan kepentingan menjalankan amanah dan tanggungjawab dengan penuh integriti dan akauntabiliti. Berdasarkan penilaian oleh Jabatan Audit Negara pada tahun 2016, sebanyak sembilan (9) jabatan daripada tiga belas (13) yang dinilai dari aspek pengurusan kewangan telah mencapai **tahap prestasi cemerlang** dengan memperoleh lima (5) bintang iaitu :

- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri;
- Pejabat Kewangan Negeri;
- Pejabat Pengarah Tanah dan Galian;
- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan;
- Jabatan Perhutanan Negeri;
- Pejabat Daerah dan Tanah Seremban;
- Majlis Daerah Jelebu;
- Majlis Daerah Kuala Pilah; dan
- Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.

17. Tahniah kepada jabatan / agensi yang telah menerima penarafan berkenaan serta yang telah dianugerahkan Sijil Audit Bersih untuk penyata kewangan masing-masing bagi tahun 2016.

18. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, berdasarkan kepada Statistik Status Tindakan Susulan Laporan Ketua Audit Negara sehingga LKAN 2015 Siri 2, Negeri Sembilan adalah satu-satunya negeri yang dapat menyelesaikan keseluruhan isu-isu yang dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara. Tahniah dan syabas juga kepada Jawatankuasa PAC Negeri Sembilan yang komited memantau penyelesaian terhadap isu-isu tersebut.

KESEJAHTERAAN RAKYAT

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

19. Selain pencapaian dari aspek kemakmuran negeri, Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan mandat rakyat untuk memastikan kesejahteraan rakyat diutamakan.

Dasar Jaringan Keselamatan Sosial

20. Dasar Jaringan Keselamatan Sosial yang telah diperkenalkan pada tahun 2008 telah menyumbang kepada impak yang positif ke atas kesejahteraan rakyat. Sukacita saya maklumkan dalam Dewan yang mulia ini, bahawa insiden kemiskinan Negeri Sembilan pada tahun 2016 berada pada tahap 0.2 peratus yakni lebih rendah berbanding peringkat Nasional pada tahap 0.4 peratus. Ia merupakan suatu tahap pencapaian yang membanggakan dan pelaksanaan Dasar Jaringan Keselamatan Sosial telah berjaya mencapai matlamat yang ditetapkan. Kerajaan Negeri masih meneruskan usaha membela nasib rakyat dan sehingga kini, seramai **33,851** orang menerima pelbagai bentuk bantuan di bawah Dasar Jaringan Keselamatan Sosial.

Dasar Perumahan Negeri Sembilan

21. Hasrat Kerajaan Negeri untuk melihat rakyat berpeluang memiliki rumah pada kadar harga mampu milik telah menjadi kenyataan. Dasar Perumahan Negeri Sembilan yang telah dilaksanakan pada tahun 2015 merupakan suatu jaminan akan terdapat pembangunan perumahan mampu milik di Negeri Sembilan. Kini, Kerajaan Negeri sedang menuai

hasil dari dasar yang mensejahterakan rakyat dimana seramai 143 orang penerima kunci Rumah Mampu Milik Type A di Kuala Pilah dan 102 orang penerima di Port Dickson adalah merupakan kumpulan penerima awal yang merasai kesan pelaksanaan Dasar Perumahan ini.

22. Pada masa ini, sebanyak 3,423 unit RMM Type A, 3,681 unit RMM Type B dan 3,784 unit RMM Type C telah diluluskan Kebenaran Merancang di seluruh Negeri Sembilan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

Kecemerlangan Pendidikan

23. Pencapaian yang membanggakan dalam peperiksaan-peperiksaan utama jelas membuktikan usaha berterusan Kerajaan Negeri dalam mempertingkatkan kecemerlangan pendidikan dan modal insan telahpun membuahkan hasilnya. Untuk makluman dewan yang mulia ini, Negeri Sembilan berada di kedudukan ketiga teratas dengan **Gred Purata Negeri sebanyak 2.82** dalam peperiksaan UPSR tahun **2016** manakala seramai 257 orang calon telah mendapat semua A dalam peperiksaan PT3 tahun 2016. Bagi peperiksaan SPM Tahun 2016, Negeri Sembilan berada di tangga kedua keseluruhan dengan Gred Purata Negeri sebanyak 4.79 manakala bagi Sijil Tinggi Agama Malaysia, Negeri Sembilan kekal berada di tangga pertama, enam (6) tahun berturut-turut sejak tahun 2011.

24. Kerajaan Negeri juga menghargai kecemerlangan pelajar-pelajar IPT anak Negeri Sembilan yang telah mendapat Ijazah Kelas Pertama. Bermula tahun 2006, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk

meraikan kecemerlangan tersebut melalui Anugerah Siswazah Cemerlang. Sehingga kini, seramai 1,729 orang telah menerima Anugerah Kecemerlangan berkenaan dan Kerajaan Negeri akan meneruskan anugerah tersebut melalui pemberian insentif kecemerlangan sebanyak RM5,000.00 seorang.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

Dasar Pencahayaan Negeri

25. Di bawah Dasar Pencahayaan Negeri, sejak tahun 2010 hingga Oktober 2017, sebanyak **151,591** lampu jalan telah dipasang di Negeri Sembilan. Daripada jumlah berkenaan, sebanyak **18,335** lampu jalan adalah dibiayai dengan peruntukan Kerajaan Negeri iaitu sebanyak **RM33 juta** yang merangkumi pemasangan lampu dan bayaran bil elektrik.

Pengurusan dan Agihan Zakat

26. Pungutan zakat pula menunjukkan peningkatan yang berterusan setiap tahun. Pada tahun 2016, sebanyak RM105.22 juta telah berjaya dipungut iaitu kenaikan sebanyak **10.45 peratus** berbanding kutipan tahun 2015. Sebanyak RM102.87 juta telah diagihkan kepada asnaf berkeelayakan bagi tujuan pendidikan, kesihatan, bantuan sara hidup, perniagaan, pembangunan modal insan dan pembangunan ummah.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

**PELAN HALA TUJU LUAR BANDAR NEGERI SEMBILAN DARUL
KHUSUS 2016 – 2045: DESA AMAYA MAMPAN, MAKMUR DAN
SEJAHTERA**

Matlamat Pelan Halatuju Luar Bandar

27. Seperti yang telah saya maklumkan di awal pembentangan, Belanjawan 2018 ini akan turut menyentuh mengenai Pelan Hala Tuju Luar Bandar. Matlamat pembentukan Pelan ini adalah untuk mengurusperdanakan kawasan luar bandar melalui dua (2) prinsip utama iaitu **kemakmuran ekonomi** dan **kesejahteraan sosial** bagi mencapai visi Luar Bandar 2045 : **Desa Amaya Mampan, Makmur Dan Sejahtera**. Ia akan direncanakan meliputi keseluruhan kawasan luar bandar di Negeri Sembilan.

28. Dalam konteks ini, prinsip **kemakmuran ekonomi** yang bersandarkan inklusiviti dijangka dapat menjamin keseluruhan rakyat di luar bandar mampu seiring dengan arus pembangunan negeri. Manakala, prinsip **kesejahteraan sosial** pula lebih memfokuskan kepada menyediakan peluang kepada masyarakat luar bandar daripada aspek pekerjaan, tempat tinggal, ketersampaian kepada prasarana asas fizikal, sosial dan kehidupan yang mampan serta menikmati perkhidmatan yang setara dengan kawasan bandar.

Konsep Pembangunan Luar Bandar

29. Pembentukan pelan hala tuju ini menekankan kepada konsep **pembangunan mampan (*sustainable development*) dan pembangunan saksama (*equitable development*)**. Kedua-dua konsep pembangunan ini bertujuan untuk memastikan keseimbangan pertumbuhan ekonomi serta merapatkan jurang pembangunan bandar dan luar bandar dengan memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan, ekonomi, sosial, tadbir urus, infrastruktur, sumber dan alam sekitar.

30. Berteraskan konsep pembangunan ini, aktiviti ekonomi luar bandar akan dipergiatkan berasaskan sumber dan kekuatan yang dimiliki dengan penyediaan persekitaran setaraf bandar tanpa membelakangkan keperluan generasi akan datang.

31. Penyelarasan dan pengukuhan potensi sebenar melalui pengkhususan aktiviti ekonomi mengikut daerah akan mewujudkan rantaian ekonomi yang lebih kukuh, memenuhi permintaan pasaran dan menjana pulangan yang lebih tinggi. Situasi ini akan mengekalkan dan menarik populasi generasi belia untuk tinggal di luar bandar.

Strategi Pembangunan Luar Bandar

32. Berlandaskan kepada konsep pembangunan mampan dan saksama, pelaksanaan pembangunan berbentuk program dan projek berimpak tinggi di luar bandar akan digerakkan melalui strategi **tambah nilai, lonjakan dan gandaan**.

- i) Strategi **Tambah Nilai** adalah merupakan suatu tindakan **menambah nilai** kepada sesuatu produk atau perkhidmatan yang sedia ada bagi **menghasilkan impak ekonomi** yang **lebih tinggi**.
- ii) Strategi **Lonjakan** pula adalah bagi mengaktifkan tindakan dan mengadaptasi kaedah baru untuk tujuan **peningkatan produktiviti** pengeluaran atau perkhidmatan.
- iii) Manakala strategi **Gandaan** pula merujuk kepada menggandakan potensi dan menambah aktiviti sampingan ke arah **pengeluaran pelbagai output** bagi meningkatkan pulangan hasil.

Kluster Strategik Luar Bandar Negeri Sembilan

33. Bagi menjayakan matlamat Pelan ini, Kerajaan Negeri telah menetapkan tiga (3) kluster strategik iaitu **Agropolis, Biodiversiti serta Bakat dan Kreativiti**.

- i) Kluster **Agropolis** berfokuskan kepada aktiviti pertanian berasaskan makanan yang mampan, maju dan berproduktiviti tinggi;
- ii) Kluster **Biodiversiti** pula berfokuskan kepada aktiviti pelancongan melalui pembangunan atau eksploitasi sumber-sumber alam;

- iii) Manakala, Kluster **Bakat/ Kreativiti dan Keusahawanan** adalah merujuk kepada keupayaan modal insan untuk menyumbang, menjalankan dan mengambil bahagian di dalam penciptaan inovasi serta teknologi yang akan menjadi sumber baharu ekonomi sekaligus mencipta pendapatan berulang. Selain itu, kluster ini juga merujuk kepada pendekatan bagi melahirkan enterprise/ usahawan-usahawan desa yang boleh menjana peluang-peluang pekerjaan baru di desa dan membantu meningkatkan ekonomi desa.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

Aspirasi Pembangunan Luar Bandar

34. Pelan Hala Tuju Luar Bandar turut menggariskan enam (6) aspirasi bagi mengukuhkan lagi komitmen kerajaan untuk mencapai pertumbuhan mampan dan saksama di luar bandar.

- i) Aspirasi pertama adalah untuk **Menambahbaik pengurusan modal insan yang berkualiti**. Dalam konteks ini, pembangunan modal insan akan diperkukuhkan untuk mencapai tahap 40 peratus tenaga kerja mahir di kalangan masyarakat;
- ii) Aspirasi kedua adalah untuk **Memperkukuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama**. Pendapatan purata isi rumah dipertingkatkan ke arah masyarakat kelas menengah;

- iii) Aspirasi ketiga adalah **Menjana kekayaan ekonomi melalui produktiviti**. Dalam konteks ini, guna tanah dan produktiviti sektor pertanian serta pelancongan yang sebahagian besarnya berada di luar bandar akan dioptimumkan untuk memberikan sumbangan yang signifikan kepada KDNK negeri;
- iv) Aspirasi seterusnya adalah bagi **Memperkukuh ekosistem rantaian ekonomi**. Dalam konteks ini, matlamat utama Kerajaan adalah untuk melahirkan enterprise/ usahawan di kawasan desa. Sehubungan itu, fungsi pekan-pekan kecil akan diperkasakan sebagai pusat pertumbuhan ekonomi. Di samping itu, Kerajaan akan memudahkan faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan aktiviti-aktiviti keusahawanan iaitu modal, pasaran dan teknologi;
- v) Aspirasi kelima adalah bagi **Membina infrastruktur moden luar bandar yang mampu bersaing**. Dalam konteks aspirasi ini, Kerajaan akan melengkapkan jaringan perhubungan pengangkutan dan liputan telekomunikasi yang berkualiti untuk peningkatan aksesibiliti masyarakat kepada pasaran; dan
- vi) Aspirasi yang terakhir adalah **Mengupaya petempatan luar bandar**. Kerajaan akan mempraktikkan konsep pembangunan saksama untuk mengekalkan lingkungan 20 peratus sehingga 30 peratus daripada populasi penduduk di Negeri Sembilan berada di luar bandar.

35. Rangkaian ekonomi yang meliputi peringkat asas seperti pengeluaran bahan mentah, pemprosesan, pelabelan dan pemasaran di luar bandar perlu diperkukuhkan ke arah peningkatan taraf sosio-ekonomi masyarakat. Penumpuan dan galakan harus diberikan supaya masyarakat luar bandar sentiasa peka dan aktif merebut peluang bagi menceburi industri yang berpotensi menjana pulangan yang lebih tinggi. Justeru, bagi mengoptimumkan keberhasilan ekonomi di luar bandar, tiga (3) elemen penting perlu diberi penekanan iaitu **modal, pasaran dan teknologi**.

- i) Dari aspek **Modal**, sektor swasta akan bersama bagi melaksanakan suntikan modal dalam kitaran ekonomi luar bandar. Masyarakat luar bandar yang memiliki sumber sedia ada akan dilibatkan bersama bagi berperanan sebagai pemilik modal secara aktif.
- ii) Dari aspek **Pasaran** pula, tumpuan khusus akan terarah kepada usaha memperluaskan pasaran produk atau perkhidmatan luar bandar ke bandar; seterusnya ke luar negeri dan luar negara.
- iii) Manakala dari aspek **Teknologi**, produktiviti, kualiti dan kecekapan pengurusan akan dipertingkatkan melalui adaptasi teknologi moden serta inovasi.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

Penetapan Tumpuan Strategik dan *Flagships*

36. Bagi mencapai aspirasi yang disasarkan, enam (6) tumpuan strategik telah dibentuk sebagai landasan pembangunan luar bandar Negeri Sembilan. Selaras dengan itu juga, sebanyak tiga puluh (30) *flagships* yang berperanan sebagai agen pemacu transformasi telah dirangka berdasarkan keperluan di bawah keenam-enam tumpuan strategik untuk dilaksanakan.

i) Pertamanya, Pengukuhan Keupayaan Modal Insan :

Tumpuan strategik ini bertujuan untuk menjana modal insan kreatif dan inovatif bagi melestarikan tenaga kerja berprestasi serta berkemahiran tinggi. Ianya turut menekankan kepentingan modal insan yang mempunyai keseimbangan etika dan akhlak. Sebanyak enam (6) *flagships* diwujudkan di bawah tumpuan strategik ini. Antaranya adalah **Inno-Talents** iaitu sebuah platform yang menguruskan bakat-bakat belia diluar bandar yang mempunyai idea kreatif dan inovatif serta menyediakan jaringan rakan strategik. Seterusnya adalah *flagships* **Gagasan Wirausaha (GAGAH)** iaitu tindakan untuk melahirkan modal insan yang tegar dengan sifat keusahawanan dan mengamalkan elemen inovasi serta teknologi.

ii) Tumpuan strategik kedua adalah **Pemeriksaan Sumber Jaya:**

lanya menumpukan kepada pendekatan pertumbuhan ekonomi dengan menggalakkan peralihan kepada ekonomi yang dipacu oleh aktiviti bernilai tambah tinggi dan berintensifkan pengetahuan. Empat (4) *flagships* telah dirangka bagi tumpuan strategik ini. Antaranya adalah **Budidaya Tanah** iaitu keupayaan untuk mengoptimumkan guna tanah luar bandar bagi meningkatkan produktiviti melalui kepelbagaian aktiviti sumber jaya. Manakala *flagships* **Alami@Situ** menumpukan kepada pendekatan untuk memaksimumkan secara strategik kekuatan identiti dan budaya Negeri Sembilan berteraskan *eco-tourism, agro-tourism* serta keunikan budaya.

iii) Seterusnya adalah tumpuan strategik **Pengukuhan Daya Huni:**

Teras tumpuan strategik ini adalah bagi mengukuhkan penyediaan infrastruktur, perkhidmatan sosial dan petempatan yang moden, namun masih mengekalkan ciri-ciri serta budaya tradisi yang dapat mempromosikan luar bandar sebagai pilihan golongan aktif ekonomi untuk didiami. Empat (4) *flagships* telah disediakan antaranya adalah **SIHATDESA** yang bertujuan untuk menambahbaik kualiti penyampaian perkhidmatan dan penyediaan infrastruktur kesihatan luar bandar. Selain itu, **NS Sparkle** iaitu *flagships* yang dirangka untuk mengoptimumkan

prasarana, liputan, capaian dan penggunaan teknologi perkhidmatan ICT ke arah persekitaran *Internet of Things* (IoT).

iv) Tumpuan strategik ke empat adalah **Pengurusan Luar Bandar Berdaya Laksana:**

Tumpuan strategik ini adalah bertujuan bagi mengukuhkan keupayaan dan komitmen komuniti dalam urus tadbir pembangunan luar bandar. Sebanyak tujuh (7) *flagships* telah diwujudkan. Antara *flagships* yang dirangka adalah **Nukleus Desa** iaitu pendekatan untuk menginstitusikan secara strategik jentera pentadbiran di peringkat akar umbi melalui pendekatan *engage* dan *empower*. *Flagship* seterusnya adalah **Koperasi Milik Desa (KOMID)** iaitu penekanan terhadap **konsep koperasi komuniti** bagi menyemai budaya keusahawanan dan penyertaan dalam pembangunan ekonomi yang lebih memberi manfaat kepada penduduk.

v) **Pengukuhan Hubungan Signifikan Metropolis Moden (Desa Amaya)** juga merupakan salah satu tumpuan strategik dibawah Pelan ini :

lanya dibentuk bagi memperkasa kesalinghubungan pembangunan MVV dan luar bandar melalui penglibatan sektor swasta dalam mewujudkan rangkaian ekonomi yang lebih mampan ke arah peningkatan produktiviti dan pertumbuhan ekonomi. Empat (4) *flagships* telah diwujudkan. Antara yang utama adalah ***Integrated Rural Business Centre (IRBC)***

sebagai pusat kegiatan ekonomi bersepadu yang mengadaptasi perkembangan teknologi ICT dalam menjalankan aktiviti pengumpulan, promosi dan pemasaran khususnya bagi produk bernilai tambah tinggi dengan variasi yang baharu.

vi) Tumpuan strategik yang terakhir adalah **Pengurusan Mampan Sumber Alam Dan Biodiversiti** :

Di bawah tumpuan ini, keunikan sumber alam dan biodiversiti akan dimanfaatkan secara optimum dengan mengadaptasi sepenuhnya konsep pembangunan mampan dan penglibatan komuniti setempat. Sebanyak lima (5) *flagships* telah disediakan antaranya adalah **Jajaran Emas Eko-pelancongan** iaitu jajaran yang dibentuk menjadi rangkaian destinasi pelancongan dengan penumpuan terhadap kekayaan biodiversiti. *Flagship Taman Negeri, Kenaboi* juga dirangka sebagai pendekatan pengkalan sumber alam dan biodiversiti agar dapat dimanfaatkan secara lebih cekap ke arah peningkatan pendapatan penduduk luar bandar.

Fasa pelaksanaan Pelan Hala Tuju Luar Bandar

37. Secara keseluruhannya, tiga puluh (30) *flagships* yang telah dibentuk sebagai pemacu transformasi berlandaskan tumpuan strategik yang telah saya jelaskan tadi akan dilaksanakan melalui tiga (3) fasa utama dalam tempoh tiga puluh (30) tahun.

- i) **Fasa Pertama** dilaksanakan dalam tempoh tiga (3) tahun mulai tahun **2018 hingga tahun 2020** ke arah mencapai Negeri maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Permulaan kepada fasa pertama ini akan menumpukan kepada pelaksanaan enam (6) *flagships Quick Wins* bermula pada tahun 2018 manakala bagi tahun 2019, lima (5) *flagships Quick Wins* lanjutan akan dilaksanakan.

- ii) **Fasa Kedua** merupakan pelaksanaan bagi **pasca 2020** dalam tempoh lima belas (15) tahun bermula dari tahun 2019 hingga tahun 2033 melibatkan tiga belas (13) *flagships* bagi pengukuhan luar bandar.

- iii) **Fasa Ketiga** pula dilaksanakan dalam tempoh **dua puluh (20) tahun** bermula pada tahun 2026 hingga tahun 2045. Pelaksanaan bagi enam (6) *flagships* bagi tempoh ini adalah sebagai elemen pelengkap kepada Pelan Hala Tuju Luar Bandar secara keseluruhan.

38. Enam (6) *flagships Quick Wins* yang akan dilaksanakan dalam tempoh fasa pertama adalah:

i) **NETA atau *Negeri Sembilan Transportation Artery***

NETA dilaksanakan melalui komponen LEBUH NS, yang juga merupakan pengukuhan rangkaian jalan raya dan RENTAS NS. Melalui NETA ini, jaringan perkhidmatan pengangkutan awam akan dilaksanakan untuk mempertingkatkan jaringan perhubungan darat (*connectivity*), pergerakan (*mobility*) dan

kemudahsampaian (*accessibility*) bagi menyokong pengukuhan rantaian ekonomi antara bandar dan luar bandar.

ii) *Flagships Quick Wins* seterusnya adalah **Agri-Moden atau Ekonomi Berasaskan Pertanian Moden**

Agri-Moden direncana untuk merevolusikan sektor pertanian yang berteraskan subsektor agromakanan agar lebih progresif dan berdaya maju dengan adaptasi teknologi dan inovasi bagi penghasilan *output* berkualiti dan bernilai tinggi. Ia turut menggalakkan pembangunan *agropreneur* yang akan menjana pendapatan masyarakat ke arah kelas menengah (M40).

iii) **Ketiga adalah Desa Sutra atau Susun Sejahtera Melalui Perluasan Desa**

Flagship ini menumpukan kepada pembangunan petempatan lestari, penyediaan perumahan yang selesa, berkualiti dan dilengkapi kemudahan infrastruktur bertaraf bandar yang mampu dipromosikan sebagai pilihan petempatan untuk didiami khususnya kepada golongan belia.

iv) **Keempat adalah *NS Sparkle* [Telekomunikasi dan ICT]**

NS Sparkle dirangka dengan kolaborasi bersama pihak swasta untuk mengoptimumkan prasarana dan teknologi perkhidmatan ICT merangkumi pengukuhan capaian dan liputan perkhidmatan telekomunikasi, pembangunan dan

penggunaan sistem aplikasi yang lebih meluas sebagai persediaan ke arah Revolusi Perindustrian Keempat.

v) *Flagships Quick Wins* seterusnya adalah **Sekolah Magnet**

Sekolah Magnet merupakan inisiatif khusus mentransformasikan institusi pendidikan dan kemahiran di luar bandar dengan menawarkan sistem pembelajaran serta pengajaran khas seiring dengan hasrat Kerajaan Negeri di bawah Dasar Lembah Ilmu untuk mencipta kejayaan pendidikan serta melahirkan modal insan berkualiti dan berperibadi mulia.

vi) *Flagships Quick Wins* terakhir adalah **Taman Negeri Kenaboi**

Taman Alam Liar Kenaboi di Daerah Jelebu akan dimanfaatkan secara optimum sebagai Taman Negeri melalui peningkatan daya tarikan *eco-tourism* dan *research tourism*, pewujudan Pusat Biodiversiti, Pusat Konservasi Tumbuhan, Pusat Konservasi Hidupan Liar, *Herbarium*, *Insectrium* dan *R&D Centre*.

39. Ringkasnya, Pelan Halatuju Luar Bandar Negeri Sembilan 2016–2045 ini digubal bagi memastikan visi Kerajaan Negeri dalam membangunkan kawasan luar bandar sebagai **Desa Amaya Mampan, Makmur dan Sejahtera** dapat direalisasikan. Pelan ini juga bermatlamat agar masyarakat luar bandar akan turut menikmati kualiti kehidupan moden setaraf dengan masyarakat bandar. Kawasan luar bandar akan terus kekal mendasari pembangunan negeri ini selaras dengan tema

pembangunan Negeri Sembilan : Memakmurkan Negeri, Mensejahterakan Rakyat.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua

40. Bagi menyokong pelaksanaan **Pelan Hala Tuju Luar Bandar** sebagaimana yang saya bentangkan tadi, khususnya enam (6) *Flagship Quick Wins* 2018, Kerajaan Negeri mencadangkan peruntukan permulaan sejumlah **RM 30.54 juta** di bawah tema **Memakmurkan Negeri** merangkumi program-program seperti berikut:

- Pembangunan dan pemodenan *agroprenuer* : RM 17.23 juta
- Penggalak inisiatif pelancongan : RM 8.71 juta
- Pemantapan Kawasan Industri : RM 2.69 juta
- Inisiatif *Farm Outlet* bagi pengeluaran pertanian : RM 1.00 juta
- Program Hari Peladang : RM 0.50 juta
- Sekolah Magnet : RM 0.41 juta

41. Manakala di bawah tema **Mensejahterakan Rakyat**, sejumlah **RM80.04 juta** diperuntukkan bagi melaksanakan program dan projek seperti berikut:

i) **Pembangunan Masyarakat Umran**

Masyarakat Umran adalah masyarakat yang saling bekerjasama dan bermuafakat bagi tujuan memenuhi keperluan hidup yang selesa dan makmur sama ada dari aspek rohani dan jasmani. Masyarakat umran yang ingin

dibentuk adalah bercirikan masyarakat yang beradab, berdaya saing, membudayakan etika dan nilai; setaraf dengan paradigma kelas pertama. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM42.99 juta.

- ii) Memantapkan persekitaran berkualiti rumah awam harga rendah dengan peruntukan sebanyak RM10.59 juta;
- iii) Memperkukuh aksesibiliti dan meningkatkan tahap keselamatan jalan raya melalui peruntukan berjumlah RM9.65 juta;
- iv) Pengurusan bencana alam negeri (*hotspot* banjir) berjumlah RM8.38 juta;
- v) RENTAS NS dengan peruntukan berjumlah RM3.00 juta;
- vi) Memperkasa persekitaran yang menyokong kesejahteraan rakyat melalui peruntukan sebanyak RM2.43 juta;
- vii) Mewujudkan persekitaran selamat dibawah Dasar Pencahayaan Negeri sebanyak RM2.00 juta;
- viii) *Wifi* Desa Cemerlang berjumlah RM0.5 juta; dan
- ix) Kajian Sumber Air Sungai berjumlah RM0.5 juta.

42. Bagi menjamin kelancaran pelaksanaan Pelan ini, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) akan disusun semula supaya lebih fokus dalam menyelaraskan perancangan dan tindakan pelaksanaan yang telah ditetapkan. Penyusunan semula pentadbiran di peringkat daerah dan pendekatan menginstitusikan secara strategik jentera pentadbiran di peringkat akar umbi akan turut dilaksanakan bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan serta pembangunan di luar bandar.

43. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, naskhah rujukan awal yang menggariskan secara dasar Pelan Hala Tuju Luar Bandar Negeri

Sembilan 2016 – 2045 akan diterbitkan pada suku tahun pertama 2018. Naskhah ini akan dijadikan sebagai asas dan panduan bagi diterjemahkan oleh semua pihak untuk merealisasikan aspirasi luar bandar Negeri Sembilan sebagaimana yang telah ditetapkan.

44. Adalah diharapkan dengan pembentangan Pelan Hala Tuju Luar Bandar dan peruntukan-peruntukan yang dicadangkan sebentar tadi akan menjadi inspirasi kepada rakyat Negeri Sembilan khususnya generasi belia TN50 untuk terus menyokong dan bersama mengambil bahagian secara aktif dalam menjayakan inisiatif dan aspirasi Negeri Sembilan Moden 2045.

BELANJAWAN BERIMBANG TAHUN 2018

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua

45. Saya membawa perhatian sidang dewan kembali semula kepada usul anggaran Belanjawan Kerajaan Negeri bagi tahun 2018. Belanjawan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2018 adalah merupakan anggaran **belanjawan berimbang**, yang berjumlah RM412.00 juta iaitu pertambahan sebanyak 5.37 peratus dari Anggaran Belanjawan Tahun 2017. Peruntukan sebanyak RM110.58 juta bagi pelaksanaan awal Pelan Hala Tuju Luar Bandar adalah termasuk dalam anggaran belanjawan ini.

ANGGARAN HASIL

46. Kerajaan Negeri menganggarkan peningkatan hasil sebanyak 5.37 peratus iaitu daripada RM391.00 juta pada tahun 2017 kepada RM412 juta pada tahun 2018. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya dari

Hasil Cukai dan Hasil Bukan Cukai. Terimaan Bukan Hasil Kerajaan Negeri dijangka mengalami sedikit penguncupan kesan daripada ketiadaan Pemberian Pertumbuhan Hasil daripada Kerajaan Persekutuan.

47. Butiran dan penerangan lanjut berhubung anggaran hasil ini adalah diperincikan dalam **Kertas Dewan Bilangan 3 Tahun 2017**.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

ANGGARAN BELANJAWAN MENGURUS

48. Perbelanjaan mengurus yang diperuntukkan Kerajaan Negeri adalah merupakan suatu bentuk pelaburan untuk memakmurkan negeri dan mensejahterakan rakyat. Oleh itu, Kerajaan akan memastikan perbelanjaan dibuat secara optimum supaya ianya dapat memberi nilai tambah dan meningkatkan produktiviti. Jumlah perbelanjaan mengurus yang diperuntukkan adalah sebanyak RM412 juta yang meliputi :

- **Emolumen** RM155.630 juta (37.77 peratus);
- **Perkhidmatan dan Bekalan** RM87.901 juta (21.34 peratus);
- **Perolehan Aset** RM3.859 juta (0.94 peratus);
- **Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap** RM160.109 juta (38.86 peratus); dan
- **Perbelanjaan Lain** RM4.501 juta (1.09 peratus).

49. Butiran dan penerangan lanjut berhubung peruntukan mengurus adalah diperincikan di dalam **Kertas Dewan Bilangan 4 Tahun 2017**.

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

50. Kerajaan Negeri akan terus komited untuk melaksanakan agenda pembangunan selaras dengan hasrat Rangka Rancangan Jangka Panjang Negeri Sembilan Moden 2015 - 2045. Sehubungan itu, adalah dicadangkan sejumlah **RM115,763,500** diperuntukkan bagi maksud ini iaitu **3.72 peratus lebih tinggi** berbanding peruntukan pada tahun 2017. Jumlah ini merupakan peruntukan **pembangunan terbesar** yang pernah dicatatkan dalam Belanjawan Negeri Sembilan bagi tempoh lima (5) tahun.

51. Peruntukan Pembangunan ini akan diagihkan mengikut sektor seperti berikut:

- Pembangunan Sosial sebanyak RM38.437 juta (33.21 peratus);
- Infrastruktur sebanyak RM25.1015 juta (21.68 peratus);
- Pertanian sebanyak RM15.695 juta (13.56 peratus);
- Pentadbiran sebanyak RM21.764 juta (18.80 peratus);
- Kerohanian sebanyak RM9.000 juta (7.77 peratus); dan
- Pelancongan sebanyak RM5.766 juta (4.98 peratus).

52. Butiran dan penerangan lanjut berhubung anggaran belanja pembangunan adalah diperincikan dalam **Kertas Dewan Bilangan 5 Tahun 2017**.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

53. Perkhidmatan awam merupakan tulang belakang kepada Kerajaan Negeri. Pelaksanaan dasar dan perancangan Kerajaan tidak mungkin akan terlaksana seandainya tanpa sokongan daripada perkhidmatan awam yang cekap dan cemerlang. Bagi pihak Kerajaan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan ke atas daya usaha semua penjawat awam di Negeri ini yang telah bersama-sama menggalas amanah untuk Memakmurkan Negeri dan Mensejahterakan Rakyat.

54. Sebagai menghargai jasa dan khidmat bakti tersebut, saya telahpun mengumumkan **bayaran khas sebanyak RM2,000.00** diberikan kepada semua penjawat awam di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri. Diharapkan bayaran khas ini akan dapat memberikan dorongan, motivasi dan galakan kepada penjawat awam untuk melaksanakan amanah dengan lebih cemerlang di masa hadapan.

UCAPAN PENANGGUHAN

Yang Berhormat Dato Yang Dipertua,

55. Di akhir ucapan Belanjawan ini, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada semua pihak yang telah bersama-sama membangunkan negeri dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Terutamanya kepada pasukan keselamatan, guru-guru, anggota perkhidmatan kesihatan dan agensi berkaitan yang telah menjaga keselamatan dan kesejahteraan rakyat Negeri ini.

56. Saya berharap pembentangan Pelan Hala Tuju Luar Bandar dan Belanjawan Tahun 2018 ini akan dapat memberikan keyakinan kepada setiap lapisan masyarakat untuk meletakkan komitmen bersama ke arah merealisasikan hasrat memodenkan Negeri Sembilan menjelang tahun 2045.

57. Kerajaan telah mengemudi negeri dengan cemerlang melalui mandat yang diberikan oleh rakyat berteraskan falsafah Memakmurkan Negeri, Mensejahterakan Rakyat. Kita kini sedang menuai hasil daripada setiap dasar yang dilaksanakan. Bahkan rakyat sendiri boleh menilai Aku Janji Kerajaan Negeri untuk mengutamakan rakyat dari aspek pendidikan, perumahan dan keperluan pembelaan masyarakat bagi mendapatkan makanan.

58. Sepanjang lima (5) tahun yang lalu, mandat rakyat telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Kecemerlangan pentadbiran Kerajaan Negeri ini mewajarkan rakyat untuk terus memberikan mandat kepada Kerajaan Negeri bagi melaksanakan perancangan masa hadapan. Janganlah kerana janji-janji kosong, rakyat terpedaya lantas memperjudikan nasib masa hadapan kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang suka menangguk di air yang keruh.

59. Renungkan dan telitilah secara mendalam tentang apa yang telah kita kecapai, apa yang telah dinikmati dan bagaimana Kerajaan meletakkan usaha dan komitmen yang tidak berbelah bahagi ke atas masa depan Negeri dan Negara serta anak bangsa demi memastikan negeri dibangunkan dan rakyat dapat hidup dalam keadaan sejahtera. Mandat rakyat cukup penting bagi Kerajaan Negeri meneruskan kesinambungan perancangan yang telah digariskan.

60. Sekian saja pembentangan saya mengenai Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2018. Dengan ini saya mencadangkan Rang Undang-undang ini dibaca untuk kali kedua. Saya juga mencadangkan supaya usul Anggaran Pembangunan Negeri tahun 2018 yang terkandung sekali dalam pembentangan Rang Undang-undang ini diterima dan diluluskan oleh Dewan yang bersidang pada hari ini.

Sekian, terima kasih.

Saya mohon mencadangkan.